

05/09/2003

Rukun Tetangga Taman Sentul Utama sambut Merdeka

KUALA LUMPUR: Pelbagai acara dianjurkan Rukun Tetangga Taman Sentul Utama, dekat sini bagi memeriahkan sambutan Hari Kemerdekaan ke-46, termasuk berarak menaiki lori balak.

Sambutan yang disertai kira-kira 1,000 penduduk itu meriah dengan pelbagai acara seperti pertandingan melukis bagi kanak-kanak, nasyid, koir lagu Kebangsaan dan Jalur Gemilang serta persembahan silat.

Pengerusi Rukun Tetangga perumahan berkenaan, Mohd Idris Abdul Kahar, berkata sambutan itu adalah yang pertama sejak enam tahun lalu bagi menunjukkan rasa cinta terhadap negara dan pemimpin.

"Kita sudah mengadakan sambutan ini sejak malam Sabtu dengan tayangan filem berkaitan kemerdekaan dan filem Melayu Sarjan Hassan. Acara ini mendapat kerjasama Filem Negara Malaysia," katanya.

Mohd Idris berkata, pagi kelmarin pihaknya menggunakan lori balak yang diubah suai dan dihias cantik bagi digunakan untuk perarakan satu kilometer dengan tetamu istimewa Ahli Parlimen Batu, Ng Lip Yong.

Penduduk datang beramai-ramai membantu menjayakan majlis selain mendapat bantuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Katanya, masyarakat perumahan itu juga menerima kedatangan kira-kira 40 pelatih dan empat guru Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Dusun Tua, Hulu Langat, yang mengunjunginya mereka.

"Kedatangan rombongan memeriahkan sambutan tahun ini selain memupuk semangat kerjasama dan sillaturahim penduduk," katanya.

Sementara itu, Lip berkata, sambutan tahun ini memberi makna istimewa kepada masyarakat negara ini kerana ia adalah sambutan terakhir Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

"Beliau berjaya membawa negara yang dulunya hanya sebuah negara bercorak pertanian kepada negara industri dan teknologi tinggi. Oleh itu, kita mesti ada perpaduan supaya negara stabil dan maju," katanya.